

INDEKS HARGA PENGGUNA, OKTOBER 2023

Inflasi Malaysia pada **Oktober 2023** meningkat **1.8%**, terendah sejak April 2021

INFLASI MENGIKUT KUMPULAN UTAMA

INFLASI KESELURUHAN

1.8% 1.9%

Makanan & Minuman
Bukan Alkohol

3.6% 3.9%

Minuman Alkohol &
Tembakau

0.6% 0.7%

Pakaian & Kasut

0.0% 0.1%

Perumahan, Air, Elektrik,
Gas & Bahan Api Lain

1.6% 1.6%

Hiasan, Perkakasan &
Penyelenggaraan
Isi Rumah

1.4% 1.5%

Kesihatan

2.4% 2.2%

Pengangkutan

0.0% -0.1%

Komunikasi

-3.7% -3.7%

Perkhidmatan Rekreasi &
Kebudayaan

0.7% 0.6%

Pendidikan

2.1% 2.0%


Restoran & Hotel

4.6% 4.4%

Pelbagai Barangan &
Perkhidmatan

2.3% 2.5%

INFLASI MENGIKUT NEGARA TERPILIH



INFLASI BANDAR & LUAR BANDAR



INFLASI SUBKUMPULAN MAKANAN & MINUMAN

Makanan di Rumah

2.1% 2.5%

Beras, Roti & Bijirin
Lain

3.6% 4.1%

Daging

2.1% 3.4%

Ikan & Makanan Laut

0.6% 1.5%

Susu, Keju & Telur

3.1% 3.4%

Minyak & Lemak

-0.5% -1.2%

Buah-buahan

2.6% 2.8%

Sayur-sayuran

1.2% -0.5%

Gula, Jem, Madu, Coklat
& Manisan

2.9% 3.3%

Makanan Di Luar Rumah

5.6% 5.9%

INFLASI TERAS

2.4% 2.5%

Nota:

Oktober
2023


September
2023

Peratusan Perubahan: Tahun ke tahun

Sumber: Indeks Harga Pengguna Malaysia (2010=100),
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Data Siri Masa

Inflasi Keseluruhan Malaysia, Oktober 2022 – Oktober 2023



Inflasi Malaysia pada Oktober 2023 meningkat 1.8 peratus, terendah sejak April 2021

- Inflasi Malaysia pada Oktober 2023 meningkat 1.8 peratus, terendah sejak April 2021 dengan mata indeks mencatatkan 130.9 berbanding 128.6 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan inflasi ini telah didorong oleh kenaikan lebih rendah bagi kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, 3.6 peratus. Ini diikuti Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (1.4%) dan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.3%).
- Selain itu, kumpulan utama lain yang menyumbang kepada peningkatan lebih rendah berbanding kenaikan yang dicatatkan pada bulan September 2023 adalah kumpulan Minuman Alkohol & Tembakau (0.6%) (September 2023: 0.7%); Pakaian & Kasut (0.0%) (September 2023: 0.1%), dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (1.6%) (September 2023: 1.6%).
- Komponen Makanan di rumah merekodkan peningkatan 2.1 peratus berbanding 2.5 peratus yang direkodkan bulan sebelumnya. Kenaikan komponen Makanan di rumah adalah didorong terutamanya oleh subkumpulan Beras, roti & bijirin lain, 3.6 peratus (September 2023: 4.1%). Ini diikuti oleh subkumpulan Susu, keju & telur dan Daging masing-masing meningkat 3.1 peratus dan 2.1 peratus. Sementara itu, bagi komponen Makanan di luar rumah meningkat perlahan kepada 5.6 peratus berbanding 5.9 peratus yang direkodkan pada September 2023.
- Sementara itu, inflasi keseluruhan secara bulanan pada Oktober 2023 meningkat 0.1 peratus disumbangkan terutamanya oleh kumpulan Restoran & Hotel (0.5%), Pengangkutan (0.2%) dan Kesihatan (0.2%). Sementara itu, inflasi teras meningkat perlahan pada 2.4 peratus (September 2023: 2.5%), namun ianya masih melepasi kadar inflasi negara (1.8%).
- Bagi inflasi di peringkat negeri, kebanyakan negeri merekodkan peningkatan di bawah paras nasional 1.8 peratus. Walau bagaimanapun, empat negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.7%), Sarawak (2.5%), Perak (2.2%) dan Selangor (1.9%).
- Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.8%) adalah lebih rendah berbanding Filipina (4.9%), Republik Korea (3.8%), Vietnam (3.6%), Zon Euro (2.9%) dan Indonesia (2.6%). Namun, kadar tersebut lebih tinggi berbanding China (-0.2%) dan Thailand (-0.3%).

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

